

18/02/1997

Membentuk generasi pemikir tulen

Azril Mohd Amin

SATU aspek yang menjadi premis sentral terhadap pembentukan tradisi ilmu yang kukuh dan membina tamadun Malaysia ialah kekuatan generasi mudanya menjalinkan ikatan pemikiran yang kukuh dan mempunyai orientasi budaya yang jelas.

Generasi yang lahir hasil proses globalisasi harus mempunyai identiti pemikiran yang asli dan tidak lahir daripada kesan penjajahan pemikiran ataupun pemikiran yang bersifat dangkal hasil proses pendidikan yang tidak menyeluruh.

Pendidikan di Malaysia sebagai usaha melahirkan insan kamil harus mampu menjadi alat yang mengisi dan membina kekuatan intelektual dan sahsiah insan.

Generasi intelektual-inteligensia yang ingin dilahirkan tidak harus diasuh menurut acuan Barat sehingga menjadikan peranan mereka tidak secocok dengan budaya dan keperluan tempatan, ataupun membawa kecemerlangan ilmu bersama-sama kerangka pemikiran yang jelas mengarah kepada acuan dan kepentingan Barat.

Mereka ini, menurut Renato Constantino, seorang pemikir terkemuka Filipina, dikenali sebagai Comprador Intelligensia adalah golongan yang mengagungkan Barat dan meremehkan golongan yang menyuarakan keprihatinan terhadap terhakisnya kedaulatan nasional dan keadaan golongan kurang bernasib baik.

Melahirkan generasi pemikir yang mempunyai daya tahan serta keaslian daya fikir mempunyai rasionalnya tersendiri.

Ini termasuk tugas membentuk generasi yang kukuh sinar sosialnya dan menentukan agar generasi sebegini mampu menjadi pemangkin utama kepada acuan pembangunan masa hadapan, sama ada di peringkat serantau mahupun global.

Mereka harus segar untuk memimpin negara yang melandaskan perjuangan pada prinsip amar makruf dan nahi mungkar. Jika prasyarat itu dipenuhi, proses pembangunan negara tidak akan terbantut disebabkan gejala sosial yang melanda. Generasi pemikir sebagai generasi yang kukuh sinar sosialnya harus diwujudkan.

Sedikit masa dahulu kita disajikan dengan konsert Scorpions dan Michael Jackson. Agak menghairankan apabila melihat tiada usaha bersungguh-sungguh untuk menyekat konsert seperti itu yang turut menyumbang terhadap gejala sosial. Alasannya? Seseengah pihak berpendapat rakyat Malaysia cukup berdisiplin dan matang untuk menikmati hiburan sebegini. Alasan itu terlalu lemah, jika ditinjau hasrat kerajaan untuk mewujudkan acuan kemajuan sendiri dan melihat kepada hakikat bahawa konsert berkenaan sebenarnya dalam jangka masa panjang boleh melemahkan generasi muda.

Memang golongan yang menikmati konsert berkenaan mempunyai disiplin pada masa itu, tetapi yang perlu dirisaukan adalah kesan jangka panjang ke atas pembentukan arah pemikiran mereka terhadap bentuk dan falsafah kemajuan yang dicapai.

Konsert sebegini melemahkan tasawur dan menjadikan mereka golongan yang hanya berminat untuk berhibur lantas gagal meningkatkan produktiviti dan kualiti diri. Kesan kewujudan premis hiburan seperti disko dan arked permainan video juga memburukkan keadaan.

Kita ingin melahirkan generasi yang kuat bekerja sambil memahami keperluan untuk berhibur sebagai landasan melepaskan lelah.

Namun, konsep hiburan yang ada pada premis itu hanya melemahkan

generasi. Tanpa disedari, kewujudan berpuluh disko di negara kita memungkinkan satu 'mass concert' berlaku di seluruh negara setiap malam.

Tujuan berhibur pada tahap itu tidak mungkin menjadi alasan kukuh khususnya apabila faktor hedonisme mengambil tempat dan kebanyakan mereka yang terbabit di premis hiburan adalah remaja yang tidak bekerja kuat pada siang hari, tetapi yang paling berseronok pada malam hari.

Ketika Malaysia bakal menjadi pusat multimedia dan pemimpin zaman maklumat di peringkat serantau, sesuatu harus dilakukan untuk menyedarkan golongan yang tercicir itu.

Pelancaran program Prostar tahun lalu sebagai langkah pencegahan HIV/Aids bagi golongan remaja jelas mencerminkan hasrat kerajaan untuk mencegah masalah sosial daripada terus membarah dalam masyarakat.

Dengan wujudnya program seperti itu diharap lebih ramai pihak khususnya remaja yang berisiko tinggi tampil bagi mendalami pengetahuan serta langkah yang dapat diambil untuk tidak dijangkiti HIV/Aids.

Jumlah kes HIV meningkat daripada 14,418 kes (sehingga 31 Disember 1995) kepada 17,665 kes sehingga 31 April 1996. Masalah HIV/Aids hanya salah satu daripada jutaan jangkitan sosial yang sedang membarah di dalam masyarakat kita. Jumlah yang dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan menggambarkan bahaya kesan sindrom sosial yang semakin merobek ketahanan generasi muda.

Ini pasti mengganggu-gugat hasrat kerajaan untuk membina generasi masa depan yang kukuh dan mapan dalam mencapai Wawasan 2020.

Namun, peratusan yang sebegitu tinggi tidak boleh dijadikan penghalang untuk kita terus mencegah serta mengawal peningkatan gejala sosial.

Sebagai generasi yang mengimpikan masyarakat madani kita tidak dapat lari daripada keperluan untuk melakukan sumbangsaraan terhadap strategi dan pendekatan yang sesuai.

Selain berdepan dengan masalah sosial di kalangan generasi muda, kita semakin tercabar dengan keruntuhan nilai di peringkat lapisan masyarakat yang berbeza.

Kesan kemakmuran ekonomi serta kemajuan luar biasa yang dicapai mendesak kita mengejar kemewahan. Jika dihalusi, tidak ramai di kalangan masyarakat yang mampu mencapai taraf kemewahan tertentu; sesetengahnya hanya mengejar wang ringgit demi mencapai taraf hidup yang sempurna, jauh sekali ingin menempatkan diri mereka di kalangan golongan menengah ataupun atasan.

Faktor itu menjadikan jurang taraf hidup masyarakat semakin jauh berbeza. Kecenderungan itu semakin jauh menyimpang daripada semangat murni lagi adil yang dicetuskan Allah menerusi al-Quran yang melarang kekayaan berlegar di kalangan masyarakat tertentu sahaja.

Prinsip keadilan sosial sebenarnya perlu dicetuskan bukan sahaja pada aspek perekonomian dan taraf hidup, tetapi merangkumi faktor pendemokrasian pendidikan dan aspek kehidupan lain. Pendidikan khususnya mula menampakkan kecederungan untuk sekadar melahirkan generasi yang tersedia bagi pasaran kerja, tetapi penekanan terhadap aspek insan yang kamil agak jauh ditinggalkan.

Persoalan membina dan mengekalkan jati diri generasi pelapis menjadi lebih runcing apabila kita melakukan muhasabah dan penelitian jitu terhadap isu semasa budaya dan cabaran kesan arus pluralisme budaya. Wawasan 2020 sebagai contoh, jelas menyatakan bahawa Malaysia harus muncul sebagai negara berasaskan kerangka pembangunan sendiri.

Pendek kata, segala aspek yang menjadi asas kepada pembinaan Malaysia pada masa hadapan harus diasaskan unsur serta nilai yang lama mengakar dalam budaya tempatan termasuk yang paling utama, prinsip dan amalan beragama masyarakat berbilang kaum.

Langkah utama yang perlu dilakukan ialah meningkatkan usaha menghapuskan kegiatan tidak sihat yang menjadi punca utama jangkitan sosial. Golongan

berisiko tinggi seperti remaja dan belia mesti diberi perhatian khusus dalam menangani gejala itu.

Usaha mendidik pelajar perlu ditekankan. Sebagai contoh, kita wajar mengkaji kembali kesan merokok di kalangan pelajar yang menjadi sebab berleluasanya kes penagihan dadah.

Budaya masyarakat harus berubah. Ibu bapa sebagai golongan terdekat perlu menjadi contoh untuk anak-anak mereka. Kita tidak boleh menyalahkan remaja yang terbabit dengan dadah jika generasi terdahulu tidak memberi contoh budaya hidup terbaik.

Menuntut generasi hari ini untuk cemerlang haruslah diikuti dengan langkah serius mendidik mereka agar kenal dengan budaya sendiri dan mampu menyaring kesan negatif Barat.

Prof Dr Yusuf al-Qaradhawi, seorang ilmuwan Islam, menyarankan prinsip yang jelas mengenai keperluan menyaring budaya dari Barat.

Beliau menegaskan pentingnya mengkaji unsur yang menjadi asas pembinaan budaya dan tamadun Barat serta menjadikan landasan agama sebagai faktor penyaring. Melalui cara ini, jati diri yang kukuh dan tidak bersifat superficial dapat diwujudkan.

Kerajaan juga harus meneliti perkembangan tidak sihat yang sedang melanda golongan muda.

Budaya konsert, disko dan sebagainya yang disebutkan sebelum ini adalah berteraskan faktor hedonisme semata-mata, dan menjadi salah satu punca ramai remaja terbabit dalam aktiviti seksual sebelum nikah yang boleh menyebabkan gejala sosial.

Kita inginkan remaja hidup dengan cara sihat dan mengamalkan budaya moral tetapi pada masa yang sama, program kurang bermanfaat menjadi agenda utama sesetengah pihak dengan alasan mencari keuntungan dan mempopularkan Malaysia.

Atas nama keuntungan atau populariti, kita tidak boleh membenarkan nilai budaya tempatan bangsa dikesampingkan.

Jika ditinjau hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia maju dengan model sendiri ternyata hal sebegini tidak konsisten dengan hasrat itu.

Ini harus dilakukan secara beransur-ansur dan bijak. Walaupun sesetengah pihak berpendapat bahawa hal seperti itu remeh dan tidak memberikan kesan besar terhadap pembinaan generasi, ternyata justifikasi mereka lemah dan tidak berasaskan penilaian terhadap faktor jatuh bangunnya kecemerlangan di Barat. Walaupun negara Barat cukup membangun dari segi ekonomi dan kemajuan fizikal, kebayakan mereka dilanda masalah generasi yang tidak prihatin dengan isu serius dan terarah untuk berseronok.

Kajian oleh New Internet Survey mendapati 43 peratus daripada sejumlah remaja di Amerika Syarikat lebih prihatin untuk berhibur di konsert daripada melaksanakan tanggungjawab untuk memilih pucuk pimpinan negara.

Selain itu, kita perlu memberi tumpuan terhadap institusi kekeluargaan. Apabila kukuh institusi kekeluargaan, maka peratus keterlibatan remaja dalam kegiatan tidak sihat dapat dikurangkan. Perpecahan institusi itu akan meleraikan rasa tanggungjawab serta hormat di antara anak-ibu bapa dan ini menyebabkan mereka terjerumus ke lembah yang tidak diingini.

Kita mahu dalam keghairahan masyarakat mengejar kemewahan, asas serta nilai kekeluargaan tidak dikesampingkan. Program kesedaran yang bersifat praktikal dan informatif juga perlu digiatkan. Ramai pihak masih tidak sedar bahaya gejala sosial.

Sebagai contoh, remaja di sekolah perlu didedahkan mengenai bahaya hedonisme yang mengurangkan sikap berdisiplin dan mementingkan keseronokan tanpa batas.

Media massa sebagai wahana pembinaan generasi perlu memainkan peranan. Media boleh mempengaruhi pemikiran serta tindakan masyarakat dengan bertindak lebih bijak dan mendidik masyarakat mengenai masalah sosial.

Media tidak harus menjadi saluran hiburan semata-mata. Ia perlu lebih bertanggungjawab dalam menyebarkan maklumat tepat mengenai sindrom itu serta pada masa yang sama mengawal fungsinya agar tidak turut menyumbang ke arah peningkatan gejala sosial.

Keperluan untuk melahirkan generasi pemikir menjadi lebih getir dengan keadaan sarwajagat yang semakin kompleks dan tidak dapat dihadapi hanya dengan kekuatan ilmu dan budaya.

Faktor ekonomi, sains dan teknologi serta pelbagai bentuk kemahiran yang penting membuktikan betapa generasi hari ini perlu berfikir dengan lebih serius mengenai masa depan dan mempersiapkan diri jauh lebih matang dan lengkap daripada teman seangkatan di seantero dunia.

Cabaran paling menuntut generasi hari ini untuk memikir keadaan dan situasi masa depan sebenarnya sudah berkali-kali dijelaskan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau menukulkan satu abad dunia apabila menyatakan, "There will then be no Asian century. There will be for the first time a World century - a century of prosperity for everyone. And all that is needed is to stop making bogey of Asian countries. We do not want to be prosperous for the purpose of making others poor."

Hasrat beliau jelas mengimpikan satu abad yang makmur buat dunia. Prinsip itu selari dengan konsep keadilan yang ditunjangi semua agama di dunia.

Mencapai hasrat sebegini sebenarnya memerlukan intropeksi mendalam terhadap generasi muda yang bakal mewarnakan abad dunia kelak.

Oleh itu, kita perlu melahirkan generasi yang mampu berfikir dan bertindak melahirkan acuan pembinaan abad dunia ini. Mereka prihatin terhadap isu kemanusiaan yang perlu menjadi agenda, peka dengan nilai universal yang harus disemarakkan dan kritikal terhadap proses pembangunan yang tidak menyepakati konsep pembangunan seimbang.

Abad dunia memerlukan generasi yang mampu mencakupi bukan sahaja isu seperti kemiskinan tetapi bagaimana melahir dan mendidik manusia yang tidak tewas dengan sains dan teknologi yang dibinanya sendiri, atas sebab gagal menyeimbangkannya dengan fitrah insan dan prinsip beragama.

Secara tuntas, kita memahamai permasalahan sosial sebagai musuh utama pembangunan generasi yang berteraskan jati diri madani. Usaha mencegah sindrom itu terpikul di pundak setiap pihak yang ikhlas untuk membanteras peningkatan keterlibatan remaja dan belia dalam tingkah laku merugikan diri.

Kita optimis bahawa kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berusaha keras menangani keras masalah ini, dan terus mampu menjalankan prakarsa serta aktiviti sesuai untuk mencapai hasrat menangani isu ini. Saranan itu diharapkan dimanfaatkan bersama untuk merealisasikan hasrat murni kerajaan.

(END)